

# Jambatan kedua P. Pinang dibina 12 Nov.

BUTTERWORTH 7 Okt. - Projek pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang yang menghubungkan bahagian pulau dengan tanah besar Semenanjung akan dimulakan 12 November ini.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, projek pembinaan itu bermula dengan penanaman cerucuk di Simpang Ampat di sini.

"Majlis menanam cerucuk itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada fakir miskin anjuran UMNO bahagian Bagin di sini, hari ini.

Jambatan sepanjang lebih 26 kilometer itu menghubungkan Batu

Maung di bahagian pulau dan Batu Kawan di tanah besar.

Projek jambatan kedua bernilai **RM2.7** bilion itu diumumkan Perdana Menteri ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Parlimen akhir Mac lepas.

## Pembinaan

Cadangan pembinaan jambatan itu yang diluluskan dan diumumkan pada 2003, bertujuan mengatasi kesesakan di Jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan Prai dan Gelugur yang dibina 21 tahun lepas.

Nor Mohamed berkata, walaupun masih terdapat beberapa masalah kecil yang belum diselesaikan, kerajaan tetap mahu menyejajarkan kerja-kerja

pembinaan jambatan bagi melancarkan Pembangunan ekonomi.

Katanya, UEM, kontraktor utama yang dilantik, telah diarah mengagihkan kerja-kerja pembinaan itu kepada kontraktor bumiputera di Pulau Pinang supaya manfaatnya dapat dinikmati semua pihak termasuk kontraktor kecil kelas F.

"Kita akan memberi keutamaan kepada kontraktor bumiputera di Pulau Pinang dan agihan kerja-kerja kecil itu akan diuruskan oleh UEM (United Engineers (Malaysia) Berhad) yang menjadi kontraktor utama," katanya.

Dalam perkembangan lain, Nor Mohamed yang diarah oleh Abdullah supaya menyelesaikan isu orang Melayu di Pulau Pinang, berkata, tumpuan kerajaan ialah bagi mengatasi masalah

perumahan orang Melayu di negeri itu.

Katanya, hasil kajian mendapati harga rumah di Pulau Pinang terlalu tinggi yang menyebabkan berlakunya monopoli oleh sesuatu kaum dalam sesebuah projek perumahan.

Menurutnya, amalan monopoli ini tidak sihat kerana ia tidak mewujudkan suasana muhibah di sesebuah kawasan perumahan selain menjejaskan usaha kerajaan untuk menempatkan orang Melayu di setiap kawasan perumahan baru.

Nor Mohamed berkata, satu kajian mengenai pembinaan lebih banyak rumah mampu milik yang ditekankan sendiri oleh Perdana Menteri akan dilaksanakan oleh kerajaan secepat mungkin.

-Bernama